

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 JANUARI 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Karnival Sains, Matematik SK Putrajaya Presint 11 (1) meriah	Utusan Malaysia
2	Amaran hujan lebat	Harian Metro
3	Dam at 70% but don't celebrate yet	The Star
4	Hujan lebat punca banjir	Utusan Malaysia
5	3 states on monsoon surge alert	New Straits Times
6	Teknologi mendepani banjir	Utusan Malaysia
7	Need for disaster risk management	New Straits Times
8	Drone eye-view	New Straits Times

Karnival Sains, Matematik SK Putrajaya Presint 11 (1) meriah

SEKOLAH Kebangsaan Putrajaya Presint 11 (1) Putrajaya menganjurkan Karnival Sains & Matematik Sekolah Berprestasi Tinggi Peringkat Kebangsaan di perkarangan sekolah itu baru-baru ini.

Lebih 10 buah sekolah berprestasi tinggi sekitar Lembah Klang turut menyertai program itu yang berlangsung selama dua hari.

Terdapat pelbagai aktiviti yang aturkan untuk murid-murid daripada sekolah yang terlibat antaranya lawatan sambil belajar, kuiz sains, kuiz matematik, puisidra sains, Sudoku.

Selain itu, terdapat juga pa-

meran-pameran daripada agensi luar seperti perbadanan, MOSTI, Zoo Negara, AADK, Kementerian Kesihatan dan banyak lagi.

Sempena program itu, pihak Zoo Negara memperkenalkan 'Program Education Outreach' yang antara lain usaha pihak terbabit mempromosikan Zoo Negara dalam kalangan murid sambil menimba ilmu.

Majlis penutupan Karnival Sains & Matematik di Dewan Komuniti Presint 11 pada hari kedua disempurnakan Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Rosni Ab. Jalil.



MURID tidak melepaskan peluang bergambar dan beramah mesra dengan maskod Zoo Negara yang ditampilkan khas pada Festival Sains & Matematik di SK Putrajaya Presint 11 (1), baru-baru ini.

Amaran hujan lebat

Kuala Lumpur: Penduduk di kawasan berisiko banjir diminta berwaspada berikutan amaran hujan lebat mungkin melanda beberapa lokasi kerana episod hujan angin monsun yang dijangka berlaku Rabu dan Khamis ini.

Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata angin Monsun Timur Laut itu berkemungkinan membawa taburan hujan berterusan selama dua hingga tiga hari di negeri seperti Johor, Sabah dan Sarawak.

"Kawasan rendah terutamanya berisiko banjir kerana angin monsun dikesan dari China bakal membawa hujan lebat untuk beberapa hari.

"Namun, kejadian luruan monsun ini hanya dapat dipastikan dua atau tiga hari sebelum tarikh itu," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut menempatkan pegawai meteorologi di Majlis Keselamatan Negara untuk memberi perkembangan terkini berhubung fenomena cuaca termasuk episod hujan monsun yang mungkin berlaku.

Dam at 70% but don't celebrate yet

Klang Valley folk advised to use water wisely as dry season expected soon

By YUEN MEIKENG
meikeng@thestar.com.my

PETALING JAYA: The level at the Sungai Selangor dam – the state's largest – has touched the 70% mark but water experts say there is no reason for Klang Valley folk to celebrate just yet.

Association of Water and Energy Research president S. Piarapakaran said the authorities and consumers must continue to be on alert as the dry season was expected to kick in.


Furthermore, there was the expected higher usage by domestic users and industries in preparation for Chinese New Year and Ramadan, he said.

"The current 70.18% level does not guarantee anything. The heavy reliance on the Sungai Selangor dam to service about 50% of consumers in Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya will cause water to be used up quickly.

He pointed out that the level also stood at about 70% in January last year, before the prolonged dry weather led to water rationing imposed on 6.7 million users in the Klang Valley.

"We may still be at risk of water rationing. If possible, cloud seeding should be done as a precaution instead of doing it during the dry season when no suitable clouds are available," he said when contacted.

Forum Air Malaysia, an organisa-



Up and down: The Sungai Selangor Dam near Kuala Kubu Baru yesterday and (inset) the water level in June last year.

tion that assists the National Water Services Commission, also raised concern about the Sungai Tinggi dam, which supplements the Sungai Selangor dam.

The organisation's senior executive Foon Weng Lian said the Sungai Tinggi dam recorded a rather low level of 63.42% on Saturday.

"If the hot and dry weather hits us again like last year, we may be in

trouble. Not only do we need more rain to fall into the dams but people must continue using water wisely," he said.

Meteorological Department spokesman Dr Hisham Mohd Anip said Malaysians could expect the current wet weather to be replaced by the dry season between January and March.

"This period is usually considered

as dry months for the country except for Johor, Sabah and Sarawak.

"Normally, the highest temperature will be recorded in March or April over the northern states in the peninsula and ranges between 36°C and 38°C," he said.

Dr Hisham said during this period, northern states would experience the least rain of about 50mm a month while other parts of

Malaysia would receive low rainfall of between 100mm and 200mm monthly.

However, he said the dry season would not severely affect the dam levels in Selangor as it was only a short period before the rainy inter-monsoon starts in April.

"Normally, we have a problem with water shortage during the southwest monsoon between June and September.

"This is another dry period for the country and we usually experience haze then. However, it is too soon to predict if it will be hotter or drier in this period."

On El Nino, he said it had yet to fully develop in Malaysia and could only be confirmed in April.

"The El Nino's initial phase started in November. Now, it is in the developing process but so far, it is expected to be a weak El Nino," he said.

Hujan lebat punca banjir

Oleh ZAAIN ZIN
zengarang@utusan.com.my

■ KOTA BHARU 4 JAN.

KERAJAAN Pas Kelantan menyangkal teori atau pendapat sesetengah pihak yang mengaitkan pembalakan berleluasa di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang sebagai punca banjir besar di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob berkata, lakwaan itu tidak berasas kerana kerja-kerja pembalakan di kawasan tersebut telah dibekukan pihaknya sejak 2006.

Beliau berkata, banjir itu sebaliknya mungkin terjadi disebabkan hujan lebat berterusan di Gua Musang selama tiga hari berturut-turut bermula pada 21 Disember.

"Pada 21 hingga 23 Disember lalu, Jabatan Pengairan dan Saliran negeri merekodkan taburan hujan tinggi, iaitu 1,295 milimeter yang bersamaan dengan taburan hujan bagi 64 hari.

"Jabatan Meteorologi juga telah

mengemaskini amaran Jingga iaitu hujan lebat di semua daerah bermula 20 hingga 24 Disember ekoran peningkatan paras air di hampir semua sungai utama di Kelantan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.



AHMAD YAKOB

Mingguan Malaysia hari ini melaporkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengesahkan bencana banjir terburuk dan tanah runtuh yang berlaku ketika ini ada kaitan dengan kegiatan pembalakan dan kemusnahan hutan di beberapa tempat serta penerokaan tanah haram di Cameron Highlands.

Tindak balas semula jadi itu berlaku akibat kerakusan 'tangan-tangan manusia' sendiri kerana permukaan bumi kehilangan pelindung, daya pengikat dan cengkaman tanah, sekaligus mengakibatkan struktur tanah menjadi longgar dan cerun-cerun bukit tidak stabil.

Kemusnahan hutan punca banjir terburuk

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
pengerang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 JAN.

DENCANA banjir terburuk dan tanah runtuh yang berlaku ketika ini disahkan ada kaitan dengan kegiatan pembalakan dan kemusnahan hutan di beberapa tempat serta penerokaan tanah haram di Cameron Highlands.

Setiatusaha MKN Keselamatan MKN



Banjir dan pembalakan memang ada kaitan. Kita lihat sendiri paras air naik amat luar biasa iaitu palat teruk selepas kejadian bencana banjir berlaku pada tahun 1967 dan 19

KERATAN *Mingguan Malaysia* semalam.

Menurut Ahmad, bencana yang kini memasuki fasa pasca banjir merupakan ujian yang begitu berat, namun rakyat negeri ini diminta menginsafi 'isyarat' daripada Allah SWT itu dan segera mencari jalan menambah pahala, bukan dosa. "Ini adalah kekuasaan Allah Taala yang tel-

ah menurunkan hujan pada kadar amat banyak dalam jangka waktu singkat. Kekuasaan Allah mengatasi segalanya. Dia menurunkan ujian ini untuk kita merenung kembali kekuasaan-Nya.

"Dalam fasa selepas banjir ini, sama-samalah kita membantu untuk memulihkan semula kawasan yang musnah dan menolong mangsa-mangsa banjir yang kehilangan kediaman dengan cara memenuhi keperluan asasi mereka," katanya.

Bencana Banjir



